

10 DEC 1996

NCC TANDATANGANI PERJANJIAN RM225.35 JUTA BINA HOTEL DI SABAH

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Nishimatsu-Corpro Construction (M) Sdn Bhd (NCC) telah menandatangani kemudahan pinjaman jangka bersindiket RM225.35 juta bagi pembinaan dua hotel di Sabah, semalam.

NCC adalah usaha sama antara Nishimatsu Construction Co Ltd dan syarikat kontraktor binaan tempatan Corpro Construction Sdn Bhd.

Dalam satu kenyataan, syarikat itu menyatakan pembangunan itu yang mengandungi hotel kelas perniagaan 550 bilik dan hotel kelas peranginan 450 bilik di atas tapak seluas 11.852 hektar akan menjadi sebahagian projek peranginan bersepadu Sutera Harbour Resort di pantai Kota Kinabalu, Sabah.

Projek itu yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 23 Julai 1994, juga termasuk padang golf 27 lubang dengan rumah kelab, marina, kelab perahu layar, kondominium, banglo dan projek perumahan.

Ia menyatakan pembinaan hotel itu dijangka akan siap dalam tempoh 18 bulan dari bermulanya tarikh kontrak.

Hong Kong Bank Malaysia Bhd dan Malayan Banking Bhd adalah penganjur bersama bagi pinjaman itu manakala bank lain yang terlibat termasuklah DCB Bank Bhd, Kwong Yik Bank Bhd dan Sumitomo Bank Ltd. -- BERNAMA

YY RIF/sia